

Oleh Basir Zahrom  
basir\_zahrom@bh.com.my  
Serdang



# 'Komputer rosak' punca rezeki

Ahmad melakukan proses membersihkan kipas laptop dengan membuka komponen besar

**B**erbekalkan kemahiran membaiki komputer yang dipelajari menerusi buku rujukan dan internet, Ahmad Yusof memberanikan diri untuk mengusahakan perniagaan perkhidmatan membaiki komputer riba di Universiti Putra Malaysia (UPM).

Pelajar Bachelo Kejuruteraan Biosistem dan Pertanian yakin perkhidmatan itu mempunyai permintaan tinggi khususnya dalam kalangan mahasiswa sekali gus membantunya menjana pendapatan tambahan.

"Pada awalnya, saya hanya membaiki komputer riba sendiri dan rakan sebelum mula mendapat kepercayaan pelajar lain.

"Kini, saya menerima purata 30 hingga 40 komputer riba untuk dibaiki setiap bulan dan setakat ini, lebih 500 komputer riba sudah berjaya dibaiki," katanya.

Beliau berkata, antara perkhidmatan yang ditawarkan ialah membersihkan kipas komputer riba, menukar skrin, menukar papan kekunci, membaiki 'motherboard' dan format.

Dari segi caj perkhidmatan, Ahmad tidak mengenakan caj tinggi bersesuaian dengan kemampuan dan bajet pelanggan yang kebanyakannya terdiri daripada mahasiswa.

"Alhamdulillah, perniagaan ini berkembang hasil bantuan dan sokongan pelanggan yang berpuas hati dengan perkhidmatan saya berikan dan mereka turut mengesyorkan kepada rakan lain tanpa memerlukan saya melakukan apa-apa promosi.

**Jual semula**  
"Saya yakin kepercayaan dan keyakinan pelanggan dapat membantu mengembangkan lagi perniagaan ini," katanya.

**"SAYA YAKIN KEPERCAYAAN DAN KEYAKINAN PELANGGAN DAPAT MEMBANTU MENGEMBANGKAN LAGI PERNIAGAAN INI"**

Ahmad Yusof,  
Pelajar Bachelo Kejuruteraan Biosistem dan Pertanian

Selain perkhidmatan membaiki, Ahmad turut membeli komputer riba rosak serta terpakai menerusi internet dan melakukan perkhidmatan membaik pulih untuk dijual semula kepada pelanggan.

Sebelum membeli, beliau terlebih dahulu mendapatkan maklumat kerosakan daripada penjual bagi memastikan berbaloi dengan kos yang perlu dikeluarkan.

"Sekiranya komputer yang dibaiki belum berfungsi seperti sepatutnya, saya tidak akan tergesa-gesa menjualnya kerana perbuatan itu amat

tidak beretika dan boleh dikatakan sebagai menipu, jadi saya hanya menjualnya apabila yakin sudah kembali kepada keadaan asal itu pun dengan harga berpatutan.

"Saya pernah membeli komputer riba rosak berjenama terkemuka dengan harga RM800 dan selepas membaikinya komputer berkenaan terjual dengan harga RM2,600 itu adalah keuntungan tertinggi pernah diraih setakat ini," katanya yang mampu menjana pendapatan sekitar RM500 sebulan menerusi perniagaan yang dijalankan.



Ahmad membersihkan ruangan dalam laptop dengan teliti